

NORHAFIZAH Musa (dua dari kanan) pada program Kalam Muslimah di Taman Melawati, Selangor, baru-baru ini.

Waspada bisikan iblis, syaitan

ragam & pengajaran

Oleh **HASHNAN ABDULLAH**

menyesatkan mereka semuanya.

Pensyarah di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), **Norhafizah Musa** mengakui hakikat peranan dua penasihat tersebut ketika menyampaikan ceramahnya pada Program Kalam Muslimah di Darul Haslam, Taman Melawati, Selangor, baru-baru ini.

"Kalau hendak harap orang beri nasihat, sokongan dan sebagainya dalam tempoh 24 jam, tidak akan ada walaupun dengan suami atau anak-anak kita.

"Sebab itu ada penasihat yang selalu silih berganti mendampingi kita setiap detik dalam kehidupan itu," katanya pada program anjuran Perkim Wanita cawangan Taman Permata itu.

Program tersebut adalah anjuran bersama Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP).

Begitu pun, Norhafizah menegaskan bahawa keputusan, sama ada untuk menerima atau menolak khidmat nasihat adalah ditentukan oleh manusia itu sendiri.

Ini sejajar dengan peranan sebagai penasihat yang sekadar memberi nasihat atau cadangan bagi menyelesaikan sesuatu permasalahan yang wujud.

"Kita yang sebenarnya membuka pintu hati kita untuk memanggil sesiapa sahaja untuk memberikan nasihat kepada kita, sama ada syaitan atau malaikat," katanya lagi.

Justeru, dalam memastikan pintu hati kita hanya terbuka kepada bisikan malaikat, maka kita perlu memahami dan mengetahui dengan jelas apakah ciri-ciri bisikan iblis atau syaitan itu terlebih dahulu.

Langkah sebegini penting kerana ada ketikanya manusia akan dikelirukan, apa lagi bisikan iblis atau syaitan itu seakan-akan selaras dengan bisikan malaikat.

"Asasnya adalah bisikan malaikat itu datangnya daripada Allah SWT, manakala bisikan iblis atau syaitan itu adalah untuk menjauhkan diri kita daripada Allah SWT dan kebenaran," kata Norhafizah. Namun, bagi memperkukuhkan

ingatan kita, penceramah bebas ini turut menggariskan beberapa ciri bisikan iblis atau syaitan, antaranya membawa manusia itu kepada kekufuran, seterusnya menyirikkan Allah SWT.

"Sebagai umat Islam, kita pastinya percaya adanya Allah SWT tetapi perbuatan atau tindakan kita adalah lebih kepada kufur atau syirik kepada Allah," katanya.

Selain itu, tambahnya, bisikan untuk memecahbelahkan hati manusia dan membawa manusia kepada kesesatan yang nyata.

"Sesat bukan hanya kerana masuk agama lain tetapi ada ketikanya, kita membuat pilihan yang salah sebab kita telah memberi ruang kepada syaitan untuk memberi nasihat," katanya.

Bagaimanapun, Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), **Dr. Nik Salida Suhaila Nik Salih** mengakui untuk menolak atau menangkis bisikan iblis atau syaitan itu bukanlah sesuatu yang mudah dilakukan.

Ini kerana, nasihat iblis atau syaitan tersebut akan sentiasa bertoleransi sehingga kita kalah dan akur kepada nasihat yang bermatlamat menjauhkan diri daripada Allah SWT.

"Mereka (iblis dan syaitan) akan sentiasa bertoleransi dengan hati kita supaya ingkar dengan perintah Allah SWT," katanya yang merupakan panel jemputan dalam program bual bicara itu.

Namun dalam kesukaran itu, Dr. Nik Salida Suhaila menegaskan, ada cara atau strategi untuk mengelakkan bisikan iblis atau syaitan daripada terus bertoleransi dengan manusia.

Usaha sedemikian amat penting supaya manusia tidak akan menjadi individu yang hanya untung di dunia tetapi rugi di akhirat.

"Langkah permulaannya ialah mengetahui serta mengenal pasti, sama ada bisikan itu bersumber daripada syaitan atau malaikat dan jika benar daripada iblis atau syaitan, maka ia tiak perlu dilayan atau mencari pendinding diri bersumberkan kekuatan iman.

"Serentak itu, kita kena buat pendinding dalam hati dengan cara mengamalkan zikir dan doa supaya hati kita sentiasa ingat kepada Allah SWT dan sentiasa dalam perlindungan dan petunjuk-Nya," katanya.

APA KATA MEREKA

"BISIKAN daripada syaitan atau iblis perlu diketahui kerana ada ketikanya kita mahu berbuat baik tetapi akan datang sesuatu yang kita tidak perasan, seterusnya menghalang perbuatan baik tersebut. Itu adalah bisikan syaitan. Dalam masa sama, kita juga kadang-kadang keliru, sama ada itu adalah bisikan malaikat atau iblis."

- **NURUL HIDAYAH KAMARUDDIN**, Eksekutif Zakat PPZ-MAIWP.

"BANYAK ilmu yang saya dan para hadirin peroleh pada hari ini. Topik yang dibincangkan kena pada masanya kerana topik bisikan malaikat atau iblis sebegini adalah perkara lumrah yang berlaku kepada setiap diri manusia. Jadi, penerangan yang dibuat oleh ahli panel itu pastinya dapat mengingatkan kita supaya tidak terpengaruh dengan bisikan syaitan serta lebih berhati-hati, sekali gus kepentingan setiap daripada Muslim untuk memperteguhkan keimanan."

- **DATIN PATIMAH ISMAIL**, pemilik Darul Haslam.

"TOPIK itu memang penting dan menarik kerana ia adalah perkara yang sering terjadi dalam hidup kita. Macam-macam bisikan masuk dalam hati kita tetapi ingatan ahli panel itu pastinya memberi ruang untuk kita memperkuatkan iman bagi mengesakan Allah SWT."

- **DATIN ROHANI JAMALUDDIN**, Pengerusi Perkim Wanita cawangan Taman Permata.

